

**STAIL FILEM DALAM MEMBANTU PERSEMBAHAN
STRUKTUR NARATIF.
KAJIAN KE ATAS FILEM *CASTELLO* (2006).**

MOHAMMAD FAIRUZ BIN ABD HANIF

**Latihan ilmiah ini dikemukakan untuk
memenuhi sebahagian syarat memperolehi
Ijazah Sarjana Muda Seni Persembahan
(Seni Layar) (Kepujian).**

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

APRIL 2007

PENGAKUAN

Saya mengakui pengkajian ini adalah hasil kerja saya sendiri, kecuali pendapat–pendapat, karya–karya dan beberapa petikan yang digunakan sebagai sokongan penulisan ilmiah ini, setiap satunya telah saya maklumkan sumber asalnya.

24 APRIL 2007

MOHAMMAD FAIRUZ BIN ABD HANIF

2004208201

PENGHARGAAN

Bismillahir Rahmanir Rahim.
Assalamualaikum Warah Matullahi Wabarakatuh,

Allahamdulillah ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya dan juga hidayahNya dapat penulis menyiapkan latihan ilmiah ini. Sesungguhnya hanya dengan izinNya yang memberikan penulis kesejahteraan akal dan kesihatan yang baik sepanjang proses menyelesaikan pengkajian ilmiah ini. Latihan ilmiah ini adalah sebahagian daripada syarat memperolehi Ijazah Sarjana Muda Seni Persembahan (Kepujian) Seni Layar.

Pertama, penghargaan dan jutaan terima kasih kepada En. Ahmad Faizul Abd. Rashid selaku penyelia, yang telah menyumbangkan idea-idea, dan memberi sokongan serta tunjuk ajar kepada penulis dalam menyiapkan penulisan ilmiah ini. Terima kasih yang tidak terhingga juga kepada En. Norman Yussof selaku pensyarah subjek latihan ilmiah ini, kerana dengan penerangan dan tunjuk ajar beliau juga membantu di dalam menyiapkan pengkajian. Selaut penghargaan kepada Dekan Fakulti Teknologi Kreatif & Artistik, Prof. Dr. Hatta Azad Khan. Juga jasa baik En. Hamzah Tahir, Pn. Ayu Haswida, En. Maxwell, Cik Mastura, En. Erman dan buat seluruh para pensyarah Jabatan Seni Layar, Fakulti Teknologi Kreatif & Artistik, UiTM. Hanya Dia yang mampu membalas budi anda semua.

Kepada terutamanya ibu bapa penulis; Hj. Abd Hanif Hj. Uda dan Hj. Azidah Hj. Nordin, jasa dan doa kalian sesungguhnya tidak mampu penulis balaskan, InsyaAllah hanya segulung ijazah akan penulis pertaruhkan. Buat rakan-rakan seperjuangan penulis, Amir, Faizal (Honda), Mazlina (Mak), Maz dan semua yang lain-lain, sama-sama berjuang dari awal hinggalah berakhirnya perjuangan ini, terima kasih buat kalian semua. Tidak dilupakan teman rapat, As, dan juga kepada pihak-pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak, jasa anda semua hanya Allah sahaja yang akan membalasnya. InsyaAllah.

Sekian, terima kasih.

Mohammad Fairuz Bin Abd Hanif,
Fakulti Teknologi Kreatif dan Artistik,
Universiti Teknologi Mara,
Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.

ABSTRAK

Kajian ini adalah untuk mengenal pasti aspek struktur naratif filem *Castello* (2006), arahan Badaruddin Haji Azmi, dengan melihat kepada tiga tahap struktur naratif (permulaan, pertengahan, penamat). Seterusnya, analisis ini akan mengupas tentang perkaitan stail filem (sinematografi, penyuntingan, bunyi, *mise-en-scene*) membantu lagi di dalam persembahan struktur naratif filem ini. Pengkajian ini mengaplikasikan kaedah kualitatif dan berfokuskan kepada analisa teks sahaja.

KANDUNGAN

| | HALAMAN |
|-------------------------------|----------|
| PENGESAHAN | I |
| TAJUK | II |
| PENGAKUAN | III |
| PENGHARGAAN | IV |
| ABSTRAK | V |
| ABSTRACT | VI |
| KANDUNGAN | VII - IX |
| SENARAI SINGKATAN | X |
| | |
| BAB I PENDAHULUAN | |
| 1.1 Pengenalan | 1 - 4 |
| 1.2 Sinopsis | 4 - 6 |
| 1.3 Definisi Terma | 7 |
| 1.3.1 Stail Filem | 7 - 8 |
| 1.3.2 Struktur Naratif | 8 - 9 |
| 1.3.3 Filem | 9 - 10 |
| 1.3.4 Membantu | 10 |
| 1.3.5 Persembahan | 11 |
| 1.3.6 <i>Castello</i> | 11 - 12 |
| 1.4 Latar Belakang Kajian | 12 - 14 |